

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW  
[WANGSA MAJU]**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah Kerajaan menghadapi kemungkinan bencana banjir besar di kawasan terkesan musim tengkujuh sepanjang gelombang ke-3 COVID-19 ini nanti.

**JAWAPAN**

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kerajaan sentiasa bersiap siaga bagi menghadapi ketibaan Monsun Timur Laut (MTL) 2020/2021. Saya sendiri telah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat Bilangan 1 Tahun 2020 pada 28 September 2020 yang dihadiri oleh wakil-wakil Kerajaan Negeri serta agensi-agensi Kerajaan yang lain. Mesyuarat ini antara lain bertujuan untuk menyelaraskan persediaan serta koordinasi di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri bagi menghadapi musim banjir.
2. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, antara persediaan yang telah dibuat oleh Kerajaan, yang pertama sekali, Kerajaan telah meluluskan bantuan awal kewangan dengan pengagihan seperti yang berikut:

## SOALAN NO : 463

- a) RM50,000 kepada setiap Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri;
  - b) RM20,000 kepada setiap Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah; dan
  - c) RM280,000 kepada Angkatan Pertahanan Awam.
3. Kedua, 15,000 *cubicle tent* telah dihantar untuk kegunaan mangsa-mangsa bencana banjir di Pusat Pemindahan Sementara (PPS). Sebanyak 26,000 unit lagi akan dihantar kemudian secara berperingkat-peringkat.
4. Ketiga, NADMA dengan kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan telah menghantar sebanyak 7,170 unit kit makanan ke seluruh negara. Selebihnya akan dihantar secara berperingkat-peringkat.
5. Keempat, NADMA dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan telah menganjurkan program-program *Community Based Disaster Risk Management* (CBDRM) yang melibatkan 14,264 orang peserta melalui pelbagai saluran bersemuka dan secara dalam talian.
6. Kelima, NADMA telah mengedarkan **Garis Panduan Pengurusan Bencana Semasa Pandemik COVID-19** pada 6 November 2020 kepada semua Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN). Antara kandungannya adalah seperti yang berikut:
- a) Pelaksanaan sebelum, semasa dan selepas operasi;
  - b) Penetapan dan pengendalian PPS;
  - c) Panduan disinfeksi dan pembersihan permukaan pada pakaian dan peralatan;
  - d) Maklumat am COVID-19;
  - e) Langkah-langkah pencegahan wabak COVID-19; dan
  - f) *Contact tracing*.

7. Keenam, dalam memastikan penularan wabak terus dapat dikekang semasa MTL 2020 / 2021, pihak NADMA sedang menyelaraskan perolehan Peralatan Perlindungan Diri (PPE) untuk kegunaan petugas-petugas barisan hadapan.

8. Ketujuh, melalui saranan NADMA, syarikat-syarikat telekomunikasi telah membangunkan sistem hebahan amaran awal bencana kepada rakyat secara Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dengan penyebaran sistem Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) dengan tujuan dan perancangan seperti yang berikut:

- a) Memberikan amaran awal kepada penduduk di kawasan yang diramal berlaku banjir bagi membolehkan mereka mengambil tindakan awal untuk berjaga-jaga atau berpindah ke tempat yang lebih selamat;
- b) Dilaksanakan sewaktu musim Monsun Timur Laut (MTL) di antara bulan November hingga Mac setiap tahun; dan
- c) Sebaran amaran awal hanya kepada penduduk di lokasi yang diramal berlaku banjir berdasarkan ramalan daripada agensi peneraju iaitu Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) melalui Program Ramalan dan Amaran Banjir (PRAB) di tiga lembangan sungai iaitu Sungai Kelantan, Sungai Terengganu dan Sungai Pahang.

**Tuan Yang Dipertua,**

9. Untuk mempamerkan kesiapsiagaan dan mengukur tahap keupayaan kita, Kerajaan telah menyediakan sebanyak 5,422 buah PPS yang bersedia untuk menampung sekurang-kurangnya 200 orang mangsa banjir di setiap satu PPS. Ini bermakna jumlah keseluruhan kapasiti PPS kita pada hari ini boleh menampung kapasiti sehingga 1.55juta orang mangsa. Sebagai tambahan, petugas-petugas di PPS juga telah bersedia dengan SOP-SOP

## **SOALAN NO : 463**

yang kita tetapkan bagi menangani penularan wabak COVID-19 di kalangan mangsa banjir di PPS.

10. Pihak NADMA akan terus bekerjasama rapat dengan setiap Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri, Angkatan Pertahanan Awam Negeri dan lain-lain agensi berkaitan melalui sesi-sesi libat urus, simulasi bencana, pembinaan kapasiti komuniti dan perbincangan untuk meningkatkan ketahanan semua pihak terhadap bencana.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN  
RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM [ TAIPING ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status perjanjian sewaan tanah di belakang SM St George, Taiping yang kini diguna sebagai tapak '*food court*'. Berapa sewa bulanan, tempoh perjanjian dan siapa yang menyewa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Tanah di belakang SM St George, Taiping ialah tanah bekas tapak Pejabat Pendidikan Daerah Larut Matang dan Selama yang telah disewakan kepada Syarikat Ghani Maju Enterprise bermula dari 1 November 2018 sehingga 31 Oktober 2021 (3 tahun) dengan nilai sewaan sebanyak RM1,400.00 sebulan. Kebenaran penyewaan tanah ini telah mendapat kelulusan daripada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) melalui surat bertarikh 28 September 2018.

Sekian, terima kasih.